



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ



TARBIATUNA

JAWATANKUASA TARBIAH - IKRAM MALAYSIA

Bil Keluaran : 06

Siri : 1436H/01 Edaran untuk ahli IKRAM sahaja

Bulan: Rabiul Awal - Jamadil Awal 1436H

Taujihat



Ustaz Dr Mohd Parid
Sheikh Ahmad
Presiden IKRAM
-m/s 2-

Bingkisan Tarbawi



Ustaz Tajul Arifin Che Zakaria
Pengerusi JK Tarbiah Pusat
- m/s 4 -

Maktabah Tarbiah



Ustaz Abd Muhaimin
Mohammad Shahr,
Konsultan JK Tarbiah Pusat
- m/s 14 -

SIFAT-SIFAT SEORANG MUSLIM

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين ، والصلاة والسلام على أشرف المرسلين ، محمد بن عبد الله ، سيد الداعين إلى الله على بصيرة ، والمجاهدين فيه بإحسان ، وعلى آله وأصحابه ومن والاه .. وبعد

Segala puji dan syukur kita panjatkan ke hadrat Allah swt serta selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad Rasulullah s.a.w. .Alhamdulillah dengan izin Nya dapat kita bertemu semula dalam terbitan Buletin Tarbiatuna bilangan keenam ini.

Pada keluaran ini Tarbiatuna mengajak pembaca untuk menyorot kembali asas-asas tarbiah tentang peri pentingnya menghidupkan sosok peribadi Muslim yang berperanan di tengah masyarakat serta melahirkan kepimpinan masa hadapan yang berwibawa yang ingin diketengahkan oleh IKRAM.

Sifat-sifat yang disebutkan adalah merupakan ciri-ciri peribadi yang menjadi prasyarat kepada kejayaan pelaksanaan manhaj perubahan dan pembaikan terhadap masyarakat dan Negara. Peribadi yang dibahunya bersedia memikul amanah yang besar untuk menegakkan syariah serta melaksanakan keadilan di atas muka bumi ini.

Ikhwah dan akhawat yang dirahmati, peribadi hebat dan unggul dan mampu memahami setiap langkah perubahan seperti mana yang ditunjukkan oleh Rasulullah s.a.w. tidak akan mampu dilahirkan kecuali menerusi pembentukan tarbiah yang cermat , berterusan dan semasa . Proses tarbiah ini jugalah yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah s.a.w. di dalam mengubah tamadun jahiliah sehingga lahirnya tamadun Islam terunggul yang menaungi dua pertiga dunia dengan keadilan Islam.

Sehubungan itu kami mengajak ikhwah dan akhawat bermuhasabah diri sejauh manakah kita telah berusaha menegakkan sifat-sifat tersebut pada diri keluarga serta masyarakat. Kita juga disarankan untuk menilai sejauh manakah kefahaman , keyakinan dan amalan kita terhadap setiap unsur tarbiah. Sesungguhnya tarbiah kita adalah tarbiah yang syumul mengikuti manhaj Al-Quran dan Sunnah. Manhaj yang telah terbukti mampu melahirkan peribadi hebat sepanjang sejarah. Di manakah kita dalam agenda ini ?

Wassalam...

Dari Meja Editor

Mutiara Al-Quran



لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا

Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharap (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta dia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang) (Al-ahzab:21)

Mutiara Hadith

Dari Abdullah bin Mas'ud r.a : Rasulullah saw bersabda, "Barangsiapa berdusta atas namaku dengan sengaja, hendaklah dia mengambil tempatnya di neraka."



Mutiara Hikmah

Janganlah banyak bergurau kerana umat yang sedang berjuang itu tidak mengerti melainkan bersungguh-sungguh dalam setiap perkara.

~Imam Hasan Al-Banna~





PERANAN INDIVIDU MUSLIM DALAM MEMBANGUN JAMAAH



Ustaz Dr Mohd Parid Sheikh Ahmad,
Presiden IKRAM

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Seseorang Muslim, sebagai ahli kepada IM dan sewaktu berada di bawah susunan tarbiahnya mestilah berusaha sepanjang hidupnya memperbaiki diri dalam semua aspek supaya dia dapat lahir dan tampil dalam masyarakat sebagai peribadi yang memiliki kualiti-kualiti seorang Muslim yang kuat dan bertanggung jawab.

Dia perlu melakukan berbagai-bagai pembaikan terhadap dirinya supaya bertambah dewasa, matang, lebih sempurna dari masa-masa sebelumnya.

Kalau dulunya dia adalah seorang Muslim biasa, tetapi pada masa hadapan dia sudah berubah menjadi seorang Muslim yang berwibawa, boleh menjadi contoh kepada orang lain, kepada lingkungannya. Dia memiliki peribadi yang cemerlang, pencapaian yang gemilang dalam hidupnya, berupaya memimpin masyarakat sekitar dan lingkungannya yang dekat dan jauh.

Untuk mencapai tahap tersebut dia mestilah bekerja keras dan berusaha kuat membina dirinya serta menyusun hidupnya, membudayakan dirinya dengan inisiatif-inisiatif yang baik bagi mengangkat kuliti dirinya sepanjang masa tanpa henti, tanpa bertangguh-tangguh.

Perkara pertama yang dia perlu lakukan ialah, menjaga tubuh badannya agar sentiasa kuat serta sihat.

Pertama : Kesihatan Diri

Penjagaan kesihatan dirinya, penjagaan tubuh badannya supaya sentiasa sihat menerusi pemakanan dan minuman yang sihat, santunan tubuh badan dengan senaman-senaman

yang teratur, tidak membebannya dengan sesuatu perkara atau tindakan yang di luar keupayaannya, menyediakannya waktu rehat yang cukup, melindunginya daripada perkara-perkara atau kegiatan-kegiatan yang membahayakan atau melemahkannya.

Kedua : Keutuhan Akhlak

Perkara kedua ialah, membina keutuhan akhlaknya menerusi pembersihan jiwanya daripada sifat-sifat yang keji, tindak tanduk yang akan mencemarkan kemuliaan dirinya, menjatuhkan maruah atau harga dirinya di hadapan masyarakat umum juga di sisi Allah s.w.t.

Akhlak lahir dan batin yang baik akan menjadikannya Muslim yang dihormati dan disayangi, dilihat sebagai contoh ikutan.

Susuk manusia yang akan terserlah di waktu itu ke arah orang lain ialah susuk yang lembut, harmoni, mendamaikan, hasil dari pancaran takwa, kasih sayang insani yang berdisiplin dengan disiplin Rabbani.

Ketiga : Berilmu

Perkara ketiga ialah, membina minda yang berilmu menerusi pembacaan dan pembelajaran ilmu-ilmu pengetahuan yang bermanfaat, perbincangan-perbincangan ilmiah, kajian-kajian bidang-bidang yang akan memperkaya dan menambah pengetahuan seseorang Muslim dengan perjalanan masa.

Muslim yang berpengetahuan, berilmu merupakan susuk yang akan membolehkannya memiliki suluhan ilmu pengetahuan dalam memahami berbagai-bagai isu, peristiwa-peristiwa yang telah dan sedang berlaku, menduga kemungkinan-kemungkinan yang akan terjadi cetusan dari fenomena-fenomena

alam dan manusia, belajar dari pengalaman-pengalaman yang dilalui manusia zaman lampau supaya ia tidak terjebak kembali ke dalam kesilapan mereka.

Menerusi pengetahuan yang cukup seseorang Muslim dapat membantu menyempurnakan langkah-langkah umat ke arah membina masa depan yang lebih baik dan lebih maju.

Keempat : Pengupayaan Ekonomi

Perkara keempat ialah membangun keupayaannya mencari rezeki, keupayaannya bekerja dalam bidang-bidang pekerjaan yang halal bagi menjana pendapatan yang cukup bagi menyara diri dan tanggungannya, mengurus kewangan diri dengan baik agar tidak terjebak dengan keborosan dan kekikiran, hutang yang mengelilingi pinggang.

Keenam : Akidah Yang Sejahtera

Perkara kelima ialah, membangun dirinya sebagai seorang Muslim yang memiliki akidah yang sejahtera yang akan sentiasa menjadi pegangan hidupnya dalam mendepani semua keadaan. Iman yang mewarnai perjalanan kehidupannya sebagai seorang Muslim yang bertakwa, berjuang bagi memenangkan Islam dan memakmurkan akhirlatnya dengan amal-amal soleh.

Keenam : Ibadah Yang Soheh

Perkara keenam ialah, berusaha membina dirinya sebagai seorang Muslim yang sentiasa melakukan amal ibadah yang betul, sah di sisi Allah, bersegera melakukannya pada setiap masa serta berusaha menyempurnakannya dalam bentuknya yang paling sem-

sambungan dari m/s 2

purna, memakmurkan surau dan masjid menjadi kebiasaan harian hidupnya, hatinya sentiasa mengingati Allah.

Ketujuh : Perbaiki Diri

Perkara ketujuh ialah, memperbaiki dirinya sehingga menjadi seorang Muslim yang sentiasa mendisiplinkan dirinya dengan disiplin-disiplin Islam dan syariatnya, menangkis bisikan-bisikan syaitan dan iblis, runtunan-runtunan hawa nafsu, kilauan-kilauan dunia dan rangsangan-rangsangannya dengan sepenuh daya dan semangat juang yang membara.

Kelapan : Menjaga Waktu

Perkara kelapan ialah, membina dirinya agar menjadi seorang Muslim yang sentiasa menjaga waktunya, tidak mensia-siakan masa-masa dan umurnya dengan kegiatan-kegiatan yang tidak berfaedah dan sia-sia.

Kesembilan : Mengurus diri dengan baik

Perkara kesembilan ialah, melatih dirinya menjadi seorang Muslim yang mampu mengurus urusan-urusan peribadinya, urusan kehidupan atau urusan perjuangannya, mengatur hidupnya, kehidupan keluarganya

dan semua yang berada di bawah kendaliannya dengan sebaik-baiknya.

Kesepuluh : Sentiasa Memberi Manfaat

Perkara kesepuluh dan yang terakhir disebutkan di sini ialah, membina dirinya menjadi seorang Muslim yang sentiasa memberi manfaat, khidmat kepada orang lain, sentiasa bersedia menolong mereka, mengangkat kepayahan yang mereka hadapi, berkorban untuk masyarakat dan manusia lain terutamanya sewaktu ia dituntut oleh perjuangan bagi menegakkan kebaikan di tengah-tengah manusia dan dunia.

sambungan dari m/s 4

sia pada hukum Islam adalah bersaudara. Asal usul mereka dari satu (Adam).

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا كَافَّةً لِّلنَّاسِ بَشِيرًا وَنَذِيرًا وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ - سبأ 28

'Dan tiadalah Kami mengutusmu (wahai Muhammad) melainkan untuk umat manusia seluruhnya, sebagai Rasul pembawa berita gembira (kepada orang-orang yang beriman), dan pemberi amaran (kepada orang-orang yang ingkar), akan tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui (hakikat itu)'.(Saba:28)

إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاهُمْ. (الحجرات 13)

'Sesungguhnya orang yang paling mulia di kalangan kamu di sisi Allah ialah yang paling bertakwa'.(Al-Hujurat:13)

Bahawa dakwah Ikhwan adalah Dakwah Syumul: Dakwah ini tidak hanya mementingkan sudut tertentu dan mengabaikan sudut kehidupan yang lain. Ia tidak terbatas pada kerja-kerja politik dan pertembungan dengan parti serta sibuk dengan pilihan raya, sekalipun politik adalah sebahagian dari kerja kita. Sama halnya kita tidak boleh membataskan kerja-kerja kita pada sudut kemasyarakatan, kecemasan dan terlibat sama dalam

aktiviti masyarakat, sekalipun kerja-kerja kebajikan tersebut merupakan sebahagian dari tanggungjawab kita.

Bahawa dakwah Ikhwan adalah Dakwah Tarbiah dan Takwin: Kerana tarbiah yang syumul dan takwin yang berterusan; kedua-duanya adalah tiang (pasak) bagi dakwah ini. Ia juga perbezaan terpenting yang membedakannya dari dakwah-dakwah lain. Melalui Manhaj Tarbawinya dakwah ini mampu digerakkan melalui saff yang mantap. Ini hasil terpenting tarbiah (hasilkan individu Muslim), sebabnya ialah kerana individu itu teras kepada kebangkitan ummah. Imam Al-Banna sentiasa ingatkan kita:

(كُونُوا أَنْفُسَكُمْ تَتَكُونُ بِكُمْ أُمَّتَكُمْ)

“Bentuklah diri anda sekalian, nescaya akan terbentuklah dengan kamu umat kamu”.

Inilah tarbiah... di mana semua orang mesti tunduk (mengikutinya) tanpa kecuali; sama ada besar atau kecil, lama atau baru, qidah atau jundi. Dalam Ikhwan tiada orang yang berada di luar lingkungan tarbiyah dan takwin.

Bahawa dakwah Ikhwan adalah Dakwah Ikhlas dan Tajarrud: Dakwah ini mentarbiah pengikutnya dan matlamat dari amal dan ucapan mereka tidak lain

melainkan untuk mendapat keredhaan Allah s.w.t. dan pahala dari sisi-Nya. Tidak ada nawaitu selain itu. Di sini bukan tempat untuk memperolehi kekayaan atau kemasyhuran atau pangkat dan gelaran. Justeru Ikhlas adalah satu rukun dari rukun-rukun Bai'ah. Imam Al-Banna sentiasa mengungkapkan kepada ikhwan kata-kata ini:

(إن الخفي على هذه الطريق خير من الظاهر)

‘Sesungguhnya yang sunyi (tak bising) di atas jalan dakwah ini lebih baik daripada yang zahir (nampak/menonjol)’.

Dakwah ini juga suci dari dikuasai oleh hawa nafsu dan ketamakan; di mana orang yang berada di atas jalan ini mestilah tajarrud kepada fikrah dan prinsip dakwahnya kerana ia adalah semulia-mulia fikrah dan kedudukannya paling atas. Allah s.w.t. berfirman:

صِبْغَةَ اللَّهِ وَمَنْ أَحْسَنُ مِنَ اللَّهِ صِبْغَةً وَنَحْنُ لَهُ عَابِدُونَ. البقرة 138

'Celupan Allah, dan siapakah yang lebih baik celupannya selain Allah s.w.t. dan kami menjadi hamba yang menyembah kepadaNya'.(Al-Baqarah : 138)

وآخر دعوانا أن الحمد لله رب العالمين



Ustaz Tajul Arifin Che Zakaria,
Pengerusi JK Tarbiah Pusat

IMAM AL-BANNA DAN HAKIKAT DAKWAH KITA

الحمد لله والصلاة والسلام على رسول الله
وعلى آله وصحبه ومن ولاة وبعد

Allah s.w.t. telah berfirman

يقول الله تعالى : (قُلْ هَذِهِ سَبِيلِي أَدْعُو إِلَى
اللَّهِ عَلَى بَصِيرَةٍ أَنَا وَمَنِ اتَّبَعِيَ وَسَبْحَانَ اللَّهِ
وَمَا أَنَا مِنَ الْمُشْرِكِينَ) يوسف 108

Katakanlah (wahai Muhammad):”
Inilah jalanku, aku dan orang-orang
yang menurutku, menyeru manusia
umumnya kepada agama Allah
dengan berdasarkan keterangan
dan bukti yang jelas nyata. Dan aku
menegaskan: Maha Suci Allah (dari
segala i'tiqad dan perbuatan syirik);
dan bukanlah aku dari golongan
yang mempersekutukan Allah den-
gan sesuatu yang lain”. (Yusuf : 108)

Ikhwan Muslimin adalah gerakan
Islam yang komprehensif, bekerja
demi untuk menegakkan agama
Allah di muka bumi ini dan untuk
merealisasikan matlamat dan tujuan
yang dengan sebabnya Islam yang
maha suci ini datang. Ikhwan beriman
dengan Islam yang menjadikan akidah
sebagai pengawal yang memelihara hala
tuju orang-orang Islam sebagaimana
merekah juga beriman bahawa Islam juga
merupakan syariat, kaedah yang syumul
merangkumi setiap sudut kehidupan

Berkata Imam Al-Banna dalam
Risalah (الاخوان تحت راية القرآن):

“Wahai Ikhwan Muslimun, bahkan
wahai semua manusia! Kita bukanlah
parti politik, sekalipun politik di atas
kaedah Islam merupakan fikrah kita
yang asli. Kita bukan pertubuhan keba-
jikan dan pembaharuan, sekalipun kerja

kebajikan dan pembaharuan merupa-
kan objektif terbesar kita. Kita bukan
pasukan riadhah, sekalipun riadhah
badan dan roh merupakan sebahagian
dari wasilah terpenting
kita. Kita tidak sama
seperti pertubuhan
sedemikian kerana
semua pertubuhan ini
hanya untuk tujuan
tertentu dan untuk
tempoh tertentu.
Mungkin pertubuhan
ini lahir hanya di atas
dasar mahu mewujudkan
sebuah pertubu-
han atau sekadar mahu meletakkan
nama rasmi bagi pertubuhan tersebut.

Akan tetapi wahai manusia! Kami
adalah fikrah dan akidah, sistem dan
manhaj. Kami tidak terbatas pada
tempat tertentu atau bangsa tertentu
atau sempadan geografi tertentu.
Kami tidak akan berhenti pada batas
tertentu melainkan setelah bumi dan
segala isinya kembali kepada Allah
s.w.t. kerana sistem ini adalah sistem
Tuhan Rabbul Alamin dan manhaj
ini adalah manhaj Rasul-Nya yang
bersifat jujur lagi amanah”.

Pada tempat yang lain iaitu
di akhir Risalah (بين الأمس واليوم)
Imam Al-Banna berkata:

“Wahai Ikhwan! Kamu bukan
pertubuhan kebajikan, bukan parti
politik, bukan badan yang ditubuhkan
untuk tujuan yang terbatas. Kamu
adalah roh baru yang mengalir dalam
hati umat ini dan menghidupkan umat
ini dengan Al-Quran. Kamu adalah nur
baru yang bersinar menghapuskan
kegelapan materialisme ke arah
ma'rifah Allah s.w.t. Kamu adalah suara
yang berkumandang dan bergema
melaungkan dakwah Rasulullah s.a.w.”.

Kita simpulkan kalam
Imam Al-Banna dalam beber-
apa faedah dan natijah:

Bahawa dakwah Ikhwan adalah



Dakwah Rabbaniyyah: Kerana asasnya
itu berlegar di sekitar objektif kita yang
membawa manusia mendekati
diri kepada tuhan mereka. Berusaha
menghubung dan mengikat hati-hati
merekah dengan pencipta mereka
iaitu Allah s.w.t. supaya mereka ikhlas
semata-mata untuk agama dan dakwah
merekah. Mereka hendaklah membetul-
kan niat supaya ikhlas beramal kerana
Allah s.w.t. tuhan semesta Alam.

Bahawa dakwah Ikhwan adalah
Dakwah Islamiyyah: Kerana ia dinasab-
kan kepada Islam yang Maha Agung
dengan kesyumulan, kesempurnaan dan
kelengkapannya. Allah s.w.t. berfirman:

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتْمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي
وَرَضِيْتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا.. المائدة- 3

..Pada hari ini, Aku telah sempur-
nakan bagi kamu agama kamu
dan Aku telah cukupkan nikmatKu
kepada kamu dan Aku telah reda-
kan Islam itu menjadi agama untuk
kamu... (Al-Maidah:3)

Bahawa dakwah Ikhwan adalah
Dakwah Alamiyyah: Dakwah ini ditujukan
kepada seluruh manusia kerana manu-

bersambung di m/s 3

HUBUNGAN DI ANTARA SIFAT-SIFAT INDIVIDU DAN TUGAS-TUGASNYA(WAJIBAT)

الحمد لله وحده ، والصلاة والسلام على من لا نبي بعده ، سيدنا محمد بن عبد الله ، وعلى آله وصحبه ومن اتبع هديه واقتفى أثره إلى يوم الدين ، ثم أما بعد

Sesiapa yang meneliti hasil penulisan Imam Hasan Al-Banna akan mengakui bahawa beliau merupakan seorang yang mendapat taufik dari Allah swt. Ini dibuktikan oleh kesan yang ditinggalkan dalam jiwa si pembacanya, lebih-lebih lagi dari aspek kedalaman dan keluasan makna di samping uslub serta struktur bahasa yang mudah dan sasaran yang tepat dengan realiti.

Beliau terlebih dahulu akan meletakkan asas bagi sesuatu isu, menganalisis ciri-ciri, mengenal pasti penyakit, menentukan penawar, membangkitkan harapan seterusnya mendorong untuk berusaha dan beramal. Dari penulisan beliau kamu sebenarnya berhadapan dengan seorang Dai'e, Murabbi, Faqih yang sangat berpengalaman juga seorang alim yang mahir, terbaik dalam merujuk kitab Allah swt, Sunnah Rasulullah s.a.w, sirah para sahabat, Tabi'en dan menguasai pengalaman-pengalaman umat dan sejarah.

Kesimpulannya, segala kelebihan tersebut merupakan taufik dari Allah swt kepada pemimpin Rabbani ini. Ia juga bukti kepada keikhlasan, pengorbanan demi dakwah dan fikrahnya. Sebab itulah segala ungkapan dan penulisannya menembusi jiwa dan akal bagi yang berfikir dengan mendalam.

Terdapat banyak contoh dari penulisan beliau khususnya dalam 'Himpunan Risalah Imam Hasan al-Banna'. Kita petik darinya, hubungan sifat-sifat individu Muslim dan tugas-tugasnya, seperti yang terdapat di dalam Risalah al-Ta'alim.

Mengenai Risalah al-Ta'alim;

Ia merupakan di antara risalah terpenting Imam Hasan al-Banna. Walaupun bersaiz kecil, namun ia merangkumi berbagai isu dan saranan penting dalam pembangunan Jamaah, pembentukan fikrah dan tarbiah untuk para pengikutnya. Ia tidak ditujukan kepada umum, tetapi khusus buat Ikhwan Mujahidin dari kalangan Ikhwan Muslimin. Risalah ini ditulis pada bulan Julai 1938, selepas sepuluh tahun dakwah dilaksanakan. Ia terdiri dari mukadimah dan penutup, dan di antaranya terdapat dua bahagian. Bahagian pertama 'Rukun

Bai'ah' dan kedua 'Tugas-Tugas al-Akh al-Amil'. Bahagian pertama itu meletakkan asas pemikiran dan yang kedua pula merupakan asas berbentuk amali atau terjemahan secara praktikal kepada rukun dan prinsip-prinsip yang sepuluh itu.

Hubungan Di antara Sifat-Sifat Individu Dan Tugas-Tugasnya;

Di dalam rukun yang ketiga iaitu 'Rukun Amal' beliau meletakkan tujuh peringkat amal bermula dengan pembentukan individu dan di akhiri dengan 'Ustaziatul 'Alam'. Mengenai pembentukan individu beliau berkata:

"Memperbaiki diri sendiri sehingga dia memiliki -tubuh yang kuat- akhlak yang mantap- berilmu- mampu berdikari- akidah yang sejahtera- ibadah yang betul- bermujahadah melawan nafsu-menjaga masa- segala urusannya tersusun- memberi manfaat kepada orang lain. Semuanya ini wajib bagi saudara semua"

Di sini kita dapat merumuskan beberapa perkara:

1. Ustaz al-Banna menyebut 'memperbaiki diri', Ini mengajak kita memperteguh aspek tarbiah zatiah, mesti bersungguh-sungguh melaksana Islah diri sendiri. Tidak wajar kita mengatakan bahawa murabbi semata-mata yang bertanggungjawab terhadap pengislahan individu, bahkan individu itu sendiri perlu bermujahadah sehingga dia memiliki sifat-sifat ini.
2. Kesyumulan sepuluh sifat ini dari berbagai sudut dan medan pentarbiahan, seperti; (tarbiah keimanan dan ibadah, tarbiah akhlak dan budi pekerti, tarbiah pengetahuan dan pemikiran, tarbiah kemasyarakatan, tarbiah siasah dan ekonomi).
3. Sepuluh sifat ini juga meraikan seluruh ciri kemanusiaan iaitu, akal, hati dan anggota. Demikian juga meraikan aspek objektif dalam pentarbiahan iaitu, pengetahuan, kejiwaan dan kemahiran.
4. Keterikatan 'Tugas-Tugas al-Akh al-Amil' dengan Sepuluh Sifat ini merupakan terjemahan secara amali untuk mencapai sifat individu Muslim. Ini yang akan kita jelaskan di akhir nanti.

Perlu diingatkan di sini bahawa dalam penulisan beliau

bersambung di m/s 6

di tempat-tempat lain bahawa beliau amatlah mengambil berat aspek tarbiah dan pembentukan individu yang merupakan asas kepada perubahan dan islah, tanpa individu yang soleh lagi musleh tidak mungkin berlakunya islah dah taghyir dalam umat. Di antara ungkapan beliau berkaitan isu ini adalah:

1. “Wahai Ikhwan: Kewajipan kita yang pertama adalah beramal dengan diri kita, maka berjihadlah ke atas dirimu, dan bawalah ia kepada ajaran-ajaran Islam serta hukum hakamnya, dan jangan sekali-kali kamu ambil mudah terhadap dirimu berkaitan perkara ini dalam apa jua bentuk sekalipun. Tunaikanlah perkara-perkara yang fardhu, tumpukanlah perhatian kepada ketaatan, jauhkanlah diri dari dosa, sucikanlah diri dari kemaksiatan, hubungkanlah hati dan perasaanmu sentiasa dengan Allah; Pemilik tujuh petala langit dan bumi, tentangilah kemalasan dan kelemahan, hargailah masa, maka jangan sekali kali kamu gunakan untuk perkara yang tidak berfaedah, muhasabahlah dirimu itu dengan muhasabah yang tegas dan terperinci, berwaspadalah kamu dari berlalu satu minit di mana kamu tidak melakukan amal yang mulia serta usaha yang baik.” Taujihah selepas Mukhtamar Kelima pada tahun 1939.

2. “Medan pertama kamu adalah diri kamu sendiri, jika kamu berjaya mengatasinya nescaya kamu juga akan berjaya mengatasi orang lain, dan sekiranya kamu lemah dalam menentangnya maka akan lebih lemah terhadap orang lain, maka hendaklah kamu cuba menentangnya terlebih dahulu dan ingatlah bahawa dunia sedang menunggu-nunggu generasi pemuda yang hebat dengan kesucian yang sempurna dan akhlak mulia yang mantap, maka jadilah kamu pemuda-pemuda ini”.

3. “Bentuklah dirimu nescaya akan terbentuklah umatmu”.

4. “Sekiranya wujud seorang Muslim yang sahik maka wujudlah bersamanya segala wasilah untuk kejayaan”.

5. “Sesungguhnya ada pada seorang lelaki itu kemampuan untuk membina umat jika dia benar-benar seorang lelaki”. (Risalah: Adakah kita golongan yang praktikal?)

Contoh Hubungan Di antara Sifat-Sifat Individu Muslim Dengan Tugas-Tugas.

Pertama: Sifat Kuat Tubuh Badan;

1. Anda hendaklah melakukan pemeriksaan perubatan yang menyeluruh dan berusaha merawat segala penyakit yang ada pada diri anda. Anda hendaklah mengambil berat aspek kekuatan dan penjagaan badan serta jauhkanlah daripada segala punca yang melemahkan tubuh badan.(3)



2. Anda hendaklah menjauhkan tabiat mengambil minuman kopi, teh atau minuman perangsang secara berlebihan. Janganlah anda minum minuman seperti ini kecuali jika perlu dan jauhi sama sekali tabiat merokok.(4)

3. Anda hendaklah mengambil berat soal kebersihan dalam semua keadaan, kediaman, pakaian, makanan, tubuh badan dan tempat kerja. Kebersihan adalah teras agama ini.(5)

4. Bersucilah dengan cara yang terbaik dan sentiasa berada dalam keadaan berwuduk pada kebanyakan masa.(27)

5. Anda hendaklah menjauhi sama sekali semua minuman arak, minuman yang memabukkan dan yang mengkhay-

alkan walau apa jenisnya sekalipun.(33)

6. Anda hendaklah menentang tempat-tempat hiburan apatah lagi untuk mendekatinya. Jauhkanlah diri anda daripada segala gaya hidup yang mewah serta bersenang-lenang.(35)

Kedua: Akhlak Yang Mantap;

1. Anda hendaklah sentiasa bercakap benar dan tidak akan sekali-kali menipu.(6)

2. Anda hendaklah bersikap amanah pada janji dan setiap percakapan. Janganlah anda mungkir janji walau apa keadaan sekalipun.(7)

3. Anda hendaklah bersikap berani dan bersemangat waja. Sikap berani yang paling baik ialah lantang menyatakan kebenaran, bersedia menyembunyikan rahsia, mengakui kesilapan, jujur terhadap diri sendiri dan mengawal diri ketika marah.(8)

4. Anda hendaklah bersikap serius dan sentiasa bersungguh-sungguh. Walau bagaimanapun sikap serius ini tidak bermakna anda mengene-pikan senda gurau yang benar dan ketawa dalam senyuman.(9)

5. Anda hendaklah bersikap pemalu dan sensitif, amat peka dengan perkara yang baik dan yang tidak baik. Gembira melihat yang baik dan sedih melihat yang tidak baik. Anda juga hendaklah bersikap merendah diri tetapi bukan menghina diri atau mengampu. Jika apa yang anda minta itu lebih rendah daripada kedudukan anda nescaya apa yang anda minta itu pasti akan tercapai.(10)

6. Anda hendaklah bersikap adil dan mampu memberikan keputusan yang betul dalam semua keadaan. Janganlah kerana kemarahan anda melupakan kebaikan dan jangan juga anda melelapkan mata melihat keburukan. Janganlah kerana persengketaan, anda melupakan nilai-nilai murni. Nyatakanlah kebenaran walaupun kepada diri anda sendiri atau kepada orang yang paling hampir dengan anda, walaupun ia pahit.(11)

sambungan dari m/s 6

7. Anda hendaklah mempunyai hati yang penyayang, pemurah dan pemaaf, sedia memaafkan, melayan dengan baik dan bersabar dengan manusia dan haiwan. Anda hendaklah memberikan layan yang baik kepada semua manusia. Anda hendaklah memelihara adab-adab pergaulan dalam Islam. Dengan ini bermakna anda perlu mengasihi anak-anak kecil, menghormati orang tua, memberikan orang lain ruang untuk duduk dalam majlis. Janganlah anda mengintip, mengumpat dan mengangkat suara. Minta izinlah ketika ingin masuk dan keluar. Begitulah seterusnya.(13)

8. Anda hendaklah ber-sungguh-sungguh menjalankan tugas anda dengan menjaga aspek kualiti, tekun, tidak korup dan hendaklah menepati janji.(17)

9. Anda hendaklah menunaikan segala hak-hak anda dengan baik dan menunaikan segala hak orang lain tanpa perlu diminta dan tidak lewat-lewatkannya sama sekali.(18)

10. Anda hendaklah melawan diri anda dengan tegas supaya anda mampu memimpinnya. Anda perlu menutup pandangan mata anda, kawal emosi anda dan naluri semulajadi anda. Anda perlu sentiasa membawa diri anda hanya kepada yang dihalalkan. Anda perlu men-

jauhan dirinya daripada perkara haram walau apa keadaan sekalipun.(23)

11. Anda hendaklah menjauhi sahabat-handai yang tidak baik serta tempat-tempat yang penuh noda dan dosa.(34).

Ketiga: Berilmu;

1. Anda hendaklah berkemampuan untuk membaca dan menulis dengan baik. Perbanyakkanlah membaca tulisan-tulisan, akhbar, majalah atau sebagainya yang ditulis oleh Ikhwan. Anda sendiri hendaklah mempunyai sebuah perpustakaan walaupun kecil. Anda hendaklah meningkatkan penguasaan ilmu dan kemahiran anda jika anda merupakan orang yang berkepakaran. Anda hendaklah menguasai keseluruhan permasalahan Islam secara mendalam sehingga anda mampu memahami dan memberikan jawapan yang tepat sesuai dengan kehendak fikrah anda.(14).

Keempat: Mampu berdikari;

1. Anda hendaklah menjalankan kerja-kerja ekonomi walaupun anda seorang yang kaya. Anda hendaklah berusaha untuk bekerja sendiri walaupun secara kecil-kecilan. Anda hendaklah tumpukan usaha anda dalam kerja tersebut walau setinggi mana sekalipun pencapaian akademik anda.(15)

2. Elaklah jawatan dalam kerajaan

dan anda hendaklah menjadikan jawatan dalam kerajaan ini sebagai pintu rezeki yang terakhir. Walau bagaimanapun janganlah anda menolak jika anda diberi peluang dan janganlah anda melepaskan jawatan tersebut kecuali jika jawatan tersebut bertentangan sama sekali dengan kewajipan dakwah anda.(16)

3. Anda hendaklah ber-sungguh-sungguh menjalankan tugas anda dengan menjaga aspek kualiti, tekun, tidak korup dan hendaklah menepati janji.(17)

4. Anda hendaklah menggunakan kekayaan umat Islam dengan cara menggalakkan sektor perusahaan dan prasarana ekonomi Islam. Anda hendaklah memastikan tiada satu sen pun wang anda yang jatuh ke tangan bukan Islam dalam apa keadaan sekalipun. Anda hendaklah hanya memakai dan memakan hasil buatan negara Islam.(21)

Kita memohon dari Allah swt agar membantu kita menghayati sifat-sifat ini dan juga beriltizam dalam kehidupan kita dengan tugas-tugas ini.

وآخر دعوانا أن الحمد لله رب العالمين

MAKTABAH TARBIAH | Buku Pilihan



Tajuk Buku :
Tarbiyah Mujtamak
Penulis : Ibrahim Al-Dib

Penerbit : Ibooks Centre
Harga : RM 12

Tarbiyah merupakan satu pendekatan asas untuk membina dan mengubah laras dengan perintah dan sunnah Allah s.w.t dalam soal yang melibatkan pembinaan dan perubahan bangsa manusia.


Tarbiyah selari dengan manhaj yang digunakan oleh pemimpin agung kita Nabi Muhammad s.w.w ketika baginda mendidik dan membina sebuah

masyarakat, bangsa dan khilafah.

Di samping memahami kedudukan sebenar tarbiyah sebagai satu pendekatan yang digunakan untuk memulihkan jiwa manusia baik individu, keluarga, masyarakat dan ummah amnya di mana jiwa ini diadun mengikut adunan kitab Allah dan sunnah rasulNya.

Tajuk Buku :
Kisah Para Nabi (Jilid 1&2)
Penulis : Prof. Dr.

Tawfiq Al-Waie
Penerbit : Ibooks Centre
Harga : RM 50



Generasi yang dipertanggung-jawabkan memikul agenda Islam masa kini hanya akan mampu memikul tanggungjawab ini setelah mereka melalui tarbiyah. Dengan tarbiyah ini barulah mereka mampu memikul dan melaksanakan Islam sebagaimana yang dikehendaki oleh Allah Taala. Agenda Islam adalah agenda rabbani bagi memimpin manusia keluar daripada kegelapan cengkaman dunia kepada cahaya dan pedoman wahyu. Keluar daripada menyembah sesama hamba kepada menyembah tuhan segala hamba. Keluar daripada kekejaman taghut kepada keadilan

Islam.

Pakar pendidikan dalam dunia Arab dan Islam sehingga kini masih menulis dan mengkaji. Namun perubahan yang diharapkan masih tidak mampu memberi keredaan pada hati, ketenangan pada jiwa atau kemajuan, keamanan dan ketenteraman pada negara.

Semua ini kerana segala hasil tulisan dan kajian mereka tidak bersumberkan hidayah rabbani atau tidak berkesinambungan dengan sejarah tamadun Islam yang gilang-gemilang.



BELASUNGKAWA BUAT SYEIKH JUM'AH AMIN

Majlis pengebumian Syeikh Jum'ah Amin, Naib Mursyidul Am Ikhwan Muslimin, telah dilakukan di Ilford London pada hari Selasa 27 Januari lepas. Syeikh Jum'ah meninggal dunia ketika sedang tidur di rumahnya di London pada awal pagi hari Sabtu, 24 Januari 2015, iaitu 3 hari sebelumnya. Sejak berlaku rampasan kuasa tentera di Mesir pada tahun 2013, Syeikh Jum'ah telah menetap di London. Sepanjang keberadaannya di UK, beliau terus aktif dalam dakwah dan mengadakan kuliah mingguan.

Dr Omer Hamdoon, Presiden Muslim of Britain, (MAB), dalam ucapannya mengatakan terlalu banyak



yang perlu kita pelajari dari kehidupan Syeikh Jum'ah Amin. Kesabaran dan ketabahan beliau dalam mempertahankan kepercayaannya berterusan sehingga ke akhir hayat walaupun terpaksa berpisah dari negara asal.

Pengerusi JK Tarbiah Pusat IKRAM, Ustaz Tajul Arifin Che Zakaria menurut beliau, di dalam ungkapan Arab mengatakan:

من كان مُستنًا فليستن بمن قد مات

'Siapa yang ingin mengambil qudwah, maka hendaklah mengambilnya daripada orang telah mati'... Ya, benar sekali

Syeikh Jum'ah Amin adalah salah seorang yang boleh kita nobatkannya sebagai QUDWAH kita dalam banyak perkara. Bacalah profil beliau, nescaya kita akan belajar pelbagai perkara menarik dari kehidupannya bersama dakwah.

Menurut Setiausaha Agung IKRAM, Hj Nahar Md Nor bahawa Almarhum Syeikh Jum'ah Amin mempunyai hubungan yang istimewa dengan NGO IKRAM kerana beliau telah pernah beberapa kali berkunjung ke Malaysia. Di dalam ceramah dan pengisian oleh beliau, ketegasannya dalam amal tanzimi serta penekanan tentang kepentingan tarbiah kepada kita akan tetap diingati," ujarnya. Nama Syeikh Jum'ah telah abadikan pada surau di Pusat Pendidikan Al-Amin Gombak (Surau Jum'ah Amin) manakala pokok yang beliau tanam di Sekolah Menengah Islam Hira' Jeram terus tumbuh dengan subur.

Menurut Presiden IKRAM, Dr Mohd Parid Sheikh Ahmad bahawa Syeikh Jum'ah Amin adalah antara generasi awal Ikhwan yang sempat bersama dengan pengasasnya Imam Hassan Al Banna. Pemergian beliau merupakan kehilangan kepada dunia khususnya umat Islam yang masih banyak perlukan pengalaman dan tunjuk ajar beliau. Moga rohnyanya ditempatkan bersama para suhuda' dan solehin."



Semoga kita sebagai ahli IKRAM meneladani istiqamah dan tsabat beliau.

*gambar serta sebahagian penulisan dipetik daripada laman web rasmi IKRAM





Tabiat Dakwah Kita Membina.. Bukan Meruntuh, maka bertenanglah wahai penguasa sekalian

..السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Sekarang saya akan menulis untuk kalian -saya telah bercakap secara lisan kepada anda sekalian- agar kata-kata lebih tepat dan ibarat yg digunakan lebih jelas dan terang apa yang saya kehendaki sesuai dengan fikrah bersempena langkah-langkah terkini bagi dakwah kita demi matlamat yang kita harapkan. Suka saya nyatakan di sini bahawa dakwah kita terus maju ke depan.. Anda telah saksikan ianya telah berkembang sampai ke Cairo (Kaherah) dan terus berkembang ke daerah-daerah yang lain, alhamdulillah...

Perkembangan dakwah ini telah menarik perhatian orang ramai kepada kalian, lalu mereka bertanya-tanya tentang kalian, di bahu kalian terpikul cita-cita dan harapan untuk 'pengislahan' sebenar di negara kita yang sedang membangun ini. Ia juga merupakan harapan mereka yang beriman untuk melihat kebaikan untuk Islam dan umatnya. Maka bersyukurlah kepada Allah swt di atas kurniaanNya dan pohonlah selalu kepadaNya agar Allah swt membetulkan langkah kalian, menerima daripada kita dan agar Allah swt tidak meninggalkan kita kepada diri kita sendiri.. Ketahuilah bahawa ini merupakan tanggungjawab baru di atas bahu-bahu kalian.. Saya akan bercakap berkisar tiga perkara penting; pertama dakwah kita, kedua pendirian yang harus kita ambil terhadap pertubuhan-pertubuhan yang bekerja untuk kemaslahatan umum dan ketiga pembahagian kerja (amal) pada pandangan saya.... kepada Allah swt saya bermohon taufiq...

Pertama: Tabiat dakwah kita

Setiap dakwah ada ciri-cirinya, antara ciri-ciri dakwah Ikhwan ialah

setiap elemen kekuatan disempurnakan oleh elemen yang lain, cantiknya apabila kita merangkul kesemuanya sehingga mencapai kejayaan yang sempurna dengan taufiq Allah s.w.t insyaAllah...

Antara cirinya ialah positif (الإيجابية) dan membina (البناء). Dakwah kita bersifat membina bukan meruntuh dan sentiasa melihat kepada yang bersifat positif di samping mengambil berat tentang diri sendiri terlebih dahulu sebelum yang lain.

Antara cirinya lagi ialah amal selari dengan kata-kata (مطابقة العمل), menjadi kewajipan kita mengkaji perlembagaan kita, nescaya akan terlaksanalah apa yang disebutkan itu..

Antara cirinya lagi ialah rabbaniah (الربانية), maka wajiblah kita sentiasa berhubung dengan Allah swt sehabis kemampuan kita dengan melazimi zikir, doa dengan yang ma'thur, dan di dalam risalah "المأثورات" sudah memadai.

Kedua: Pendirian kita terhadap dakwah-dakwah lain

Pendirian kita daripada dakwah-dakwah di negara ini dari sudut agama, sosial, ekonomi mahupun politik -berdasarkan tabiat dakwah kita- hanyalah satu, semoga semuanya mendatangkan kebaikan dan kita berdoa semuanya mendapat taufiq... bahawa sebaik-baik jalan yang patut kita lalui ialah agar jangan sampai dakwah-dakwah tersebut menjadikan kita sibuk melebihi tanggungjawab kita terhadap diri kita sendiri.. Sesungguhnya kita amat berhajat kepada bekalan dan persediaan. Umat kita amat memerlukan tentera untuk berjihad dan masa tidak mengizinkan kita melihat dan terpengaruh dengan

orang lain. Semua kita dan mereka di lapangan (medan) masing-masing... dan Allah pastinya bersama orang-orang baik (المحسنين) sehingga Dia membuka antara kita dan kaum kita di atas kebenaran.

Kalian akan mendengar pertubuhan/persatuan yang akan bercakap tentang kalian. Jika mereka bercakap tentang kebaikan kita, maka bersyukur-lah dan jangan sekali-kali pujian itu menipu kalian daripada hakikat sebenar. Jika keburukan yang mereka wara-warakan maka maafkanlah mereka dan tunggulah sehingga masa menyingkapkan hakikat yang sebenar. Ingat! Jangan kalian membalas cercaan dengan cercaan sepertinya dan jangan kalian menghabiskan masa untuk menjawab persoalan yang mereka bangkitkan sehingga kalian lupa tugas sebenar kalian. Yakinlah bahawa hal tersebut tidak akan memesongkan kalian dan sekali-kali ia tidak akan memudaratkan kalian.

وَإِنْ تَصَبَّرُوا وَتَتَّقُوا فَإِنَّ ذَلِكَ مِنْ عَزْمِ الْأُمُورِ ﴿
(آل عمران: من الآية 186)

Kalian akan mendengar bahawa pertubuhan/persatuan akan menuduh kalian mempunyai hubungan dengan pertubuhan-pertubuhan yang tidak baik...jangan pedulikan itu semua dan jangan cuba menafi atau mengiakannya kerana mereka yang menuduh sepatutnya mendatangkan keterangan atas apa yang didakwa. Hal tersebut berlaku kerana satu antara dua perkara; sama ada yang menuduh itu bersungguh-sungguh dalam tuduhannya untuk mencari kepastian sehingga akhirnya mereka dapat mengetahui hakikat sebenar dakwah kalian sedang kalian sentiasa berhubung dengan Allah dan RasulNya s.a.w dan kalian tidak bekerja melainkan untuk Islam dan umatnya. Atau sama ada mereka bukanlah bersung-



MENDIDIK ANAK DENGAN SIFAT KECEMERLANGAN



Dr Hafidzah Mustakim
Timbalan Ketua Wanita IKRAM



Anak-anak adalah permata berharga yang dikurniakan Allah kepada ibubapa. Kelahiran anak ke muka bumi di ibaratkan oleh Rasulullah s.a.w sebagai kain putih yang perlu dicorakkan oleh kedua orang tuanya. Rasulullah s.a.w bersabda dalam satu hadith sahih yang bermaksud:

Setiap anak dilahirkan dalam keadaan fitrah (suci yakni Muslim). Kedua orang tuanyalah yang menjadikan dia Yahudi, Nasrani atau Majusi. HR Bukhari

Namun manusia makhluk yang dijadikan Allah sebagai khalifah untuk mentadbir dunia ini tidak di biarkan begitu saja oleh Penciptanya. Walaupun manusia ini dilahirkan dalam keadaan tidak tahu apa-apa, Allah melengkapkannya dengan pelbagai pancaindera yang bakal digunakan dalam proses pembelajaran dan tumbesaran di muka bumi ini. Hal ini disebutkan secara jelas dalam firman Allah:

Dan Allah telah mengeluarkan kamu dari perut ibu kamu dalam keadaan tidak mengetahui sesuatupun, dan Dia memberi kamu pendengaran, penglihatan

dan hati, agar kamu bersyukur.
An Nahl 16: 78

Ibubapa selaku orang yang bertanggungjawab melahirkan anak ke muka bumi ini juga merupakan orang yang perlu membesarkan dan mendidik anak-anak agar menjadi makhluk yang berguna lagi direndah Allah s.w.t. Anak yang dilahirkan tidak tahu apa-apa ini sebenarnya mempunyai potensi yang besar untuk menjadi apa saja mengikut acuan pendidikan dan persekitarannya. Tugas mendidik ini perlulah dijalankan dengan penuh kesedaran dan rasa pertanggungjawaban. Imam Ghazali Rahimahullah menggambarkan tugas ini dengan begitu tepat dalam ungkapan katanya:

Anak adalah seperti sebutir permata yang belum di gilap. Ibubapanyalah yang akan mencanai dan menggilapnya sehingga menjadi berlian yang indah dan berkilauan (menjadi orang yang sentiasa mencari keredhaan Allah). Imam Ghazali

Ini membawa maksud bahawa anak-anak kita dilahirkan dalam keadaan fitrahnya yang suci, dan mempunyai potensi yang begitu besar untuk menjadi apa jua dan siapa jua

manusia berguna yang kita harapkan. Namun tanpa didikan dan bimbingan yang sewajarnya permata dan berlian yang semulajadi berada dalam diri anak ini boleh malap, tenggelam dan yang timbul hanyalah perandai jahat dan tabiat buruk hasil dari pengaruh hawa nafsu dan syaitan yang sentiasa mengajak kepada keburukan.

SIFAT KECEMERLANGAN ANAK YANG MAHU KITA LAHIRKAN

Kita bermula dengan niat mendidik anak kita agar menjadi hamba dan khalifah Allah dan mengikuti cara hidup Rasulullah s.a.w utusanNya yang diciptakan untuk memberi rahmat kepada sekalian alam. Petanda kejayaan kita adalah apabila kita berjaya menghasilkan anak yang mempunyai sepuluh sifat keperibadian Muslim yang diinspirasikan dari kisah Nabi Musa dalam surah Al-Qasas 28:14-28. Allah menjadikan manusia dengan tiga komponen asas iaitu akal, jasad dan roh. Sepuluh sifat ini menjadi penyelesaian terbaik dalam pembinaan peribadi Muslim kerana ia mengisi dan mengembangkan potensi ketiga-tiga komponen ini secara seimbang. Rajah 1

Bertambah menarik lagi apabila dilihat dalam konteks tanggungjawab dan peranan yang mesti dimainkan oleh anak kita. Sepuluh sifat ini akan menjadikan anak kita seorang yang holistik kerana mereka dapat menjalin hubungan yang baik secara menegak dengan Allah Penciptanya, dengan dirinya sendiri dan juga secara mendatar dengan orang lain disekelilingnya. Rajah 2.

KAEDAH DAN PENDEKATAN MENDIDIK

Imam Al-Ghazali mengupas persoalan mendidik anak dengan pendekatan psikologi dalam kitabnya Ihya' Ulumuddin . Beliau mengemukakan lima kaedah utama dalam pendidikan kanak-kanak khasnya di peringkat awal perkembangan melalui :

1. Qudwah (Role model),
2. Mulahazah wa mutaba'ah (Pemerhatian dan Meniru),
3. I'tiyad (kelaziman/kebiasaan),
4. Al-thawab wa al iqab (Ganjaran dan Hukuman) dan
5. Nasihat

Ibubapa mestilah mengambil segala kesempatan dan ruang dalam menerapkan dan membina sepuluh sifat di atas ke dalam diri anak. Sebagai contoh kejadian banjir besar yang melanda sebilangan negeri di tanah air baru-baru ini boleh dijadikan kesempatan untuk mengukuhkan kesemua sifat ini melalui kaedah yang disebutkan Imam Ghazali di atas. Berada di tempat banjir ketika ia berlaku ataupun melihat kesan-kesan banjir merupakan pelajaran akidah yang paling ampuh untuk mengukuhkan keimanan yang sejahtera kepada Allah. Jangan lah kita lepaskan peluang untuk menunjukkan banjir besar yang diberi jolokan Tsunami sungai ini melalui rakan yang dimuatnaik ke 'youtube' dan laman sosial. Ceritakan kepada anak-anak bagaimana berkuasanya Allah menciptakan banjir lumpur dengan air yang deras dan menggung tinggi dengan bebanan berat yang dibawanya meranapkan segala bangunan dan harta benda yang berada di laluan.

Tunjukkan kepada anak kita bagaimana Allah menjadikan musibah ini kepada mangsa banjir sebagai ujian untuk mendekatkan diri mereka kepadaNya . Pada masa yang sama ia merupakan peluang untuk kita warga Malaysia yang lain menghulurkan bantuan dan mempraktikkan hadith Rasulullah s.a.w

“Sebaik-baik manusia adalah yang paling bermanfaat bagi manusia yang lain.” Hadis Riwayat Thabrani

dalam Al-Ausath.

Libatkan sama anak-anak kita mengikut kesesuaian umur mereka dalam mana-mana peringkat misi bantuan banjir.

Seterusnya jadikan diri kita sebagai qudwah dan contoh teladan yang boleh diikuti oleh anak kita dalam semua bidang kehidupan termasuk ibadah dan akhlak. Perbuatan kita mestilah seiring dengan apa yang kita ucapkan. Jagalah amal ibadah kita yang fardhu dan tambahlah ibadah sunat agar ianya dicontohi oleh anak-anak . Mereka adalah pemerhati dan peniru yang setia.



- Akidah Sejahtera
- Ibadah Betul
- Mampu Lawan Hawa Nafsu



- Berpengetahuan Luas
- Tersusun Urusan
- Menjaga Waktu
- Sihat Tubuh Badan
- Mampu Berdikari



- Akhlak Yang Mantap
- Bermanfaat Kepada Orang lain

Lazimkan mereka menunaikan ibadah bersama-sama kita. Yang lelaki mengikut ayahnya solat di masjid contohnya sementara anak perempuan menunaikan solat awal waktu bersama ibu mereka. Pastikan hanya akhlak yang mulia yang mereka lihat dari kita. Gunakan kaedah ganjaran yang memikat dan hukuman yang penyayang dalam menerapkan tabiat harian yang baik seperti menyusun dan mengemaskan barangan mereka di rumah. Sekiranya kita mahukan anak yang berfikiran luas maka kita perlu bersedia menjadikan tabiat membaca sebagai amalan. Bawa anak-anak ke perpustakaan untuk memupuk semangat cintakan ilmu pengetahuan. Tentunya kesemua ini memerlukan kesungguhan untuk kita melawan dan meluruskan hawa nafsu kita sendiri. Ibubapa bukan malaikat, malah kita juga manusia biasa yang sentiasa terdedah kepada pujukan hawa

nafsu yang sentiasa mengajak kepada keburukan. Penggunaan gajet contohnya ada kebaikan dan keburukannya. Ibubapa mestilah memandu anak-anak untuk beriltizam dengan tabiat yang baik. Buatlah peraturan yang jelas di rumah kita ; tiada gajet sewaktu makan malam bersama, atau tidak dibenarkan seorang pun tidur selepas subuh .

Hadith Mukmin yang kuat lebih baik dan lebih dicintai oleh Allah daripada seorang mukmin yang lemah sewajarnya menjadi slogan dalam rumah-rumah kita. Qawwiyl jismi atau kuat tubuh badan menuntut kita anak beranak mengamalkan prinsip gaya hidup sihat dari sudut pemakanan sihat, senaman dan penjagaan kesihatan mental. Begitu juga dengan prinsip kemandirian dan tidak bergantung kepada orang lain, walaupun si ibu seorang surirumah yang menguruskan rumahtangga suaminya, dia masih boleh menjadi seorang yang berkemampuan untuk mencari jalan berikhtiar agar dia boleh berdikari sekiranya keadaan memerlukan.

KESIMPULAN

Mendidik anak-anak dengan sifat kecemerlangan memerlukan ibubapa dan pendidik menjadi role model atau ikutan yang baik kerana sikap atau tingkahlaku yang ditunjukkan oleh ibubapa sebenarnya adalah kurikulum dalam pendidikan seorang kanak-kanak. Bersesuaian dengan sifat semulajadi kanak-kanak yang suka meniru perilaku atau apa sahaja yang ada di hadapannya, dan seperti yang ditegaskan oleh Imam Al Ghazali, kanak-kanak belajar melalui pemerhatian yang jika dibiarkan ia akan menjadi kebiasaan atau I'tiyad dan sukarlah untuk dibentuk. Dalam menangani masalah ini ibubapa atau pendidik di beri pilihan antara memberi penguksuhan dan ganjaran baik atau hukuman. Jalan yang paling terbaik ialah dengan memberi nasihat yang pendekatannya adalah “mendidik jiwa dengan jiwa “. Untuk mendidik anak menjadi cemerlang ibubapa mestilah memiliki sepuluh sifat kecemerlangan ini terlebih dahulu agar nanti cakap kita memang serupa bikin.



PERANAN MUTARABBI DALAM MEMBANGUNKAN SIFAT SEPULUH



Ustazah Wan Ramizah Hasan,
IKRAM Subang Jaya

Membentuk generasi yang memahami Islam dengan kefahaman yang sahih, hidup dan berjuang bersama Islam antara hadaf atau tujuan utama tarbiah digerakkan. Usaha ini bukanlah satu perkara yang baharu dibuat atau direka-reka oleh manusia bahkan telah dilaksanakan oleh Rasulullah s.a.w sendiri. Baginda s.a.w merupakan seorang rasul dan seorang murabbi yang telah berjaya mendidik para sahabatnya yang merupakan mutarabbi. Kesungguhan para sahabat melaksanakan apa yang disarankan baginda s.a.w dengan menggunakan manhaj daripada al-Quran dan Sunnah telah dapat melahirkan generasi penggerak dan generasi contoh kepada generasi seterusnya.

Oleh kerana itu, peranan mutarabbi tidak kurang pentingnya dalam melahirkan seorang murabbi yang hebat dan generasi yang terdidik dan cemerlang. Apabila Allah s.w.t menurunkan wahyu, maka Rasulullah s.a.w membacakan ayat-ayat al-Quran tersebut dan menjelaskan maksud dan pengertian kepada sahabat-sahabat yang merupakan mutarabbi sehingga mereka memahami tuntutan dari ayat-ayat yang diturunkan Allah s.w.t. Hasilnya para sahabat bukan sahaja menjadi generasi penggerak (Qaidah Sulbah) bahkan dapat menjadikan mutarabbinya di kalangan para tabiin menjadi generasi murabbi yang hebat dan akhirnya dapat menyebarkan Islam ke seluruh dunia.

Melalui manhaj dan tarbiah yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w inilah, Ustaz Hasan al-Banna meletakkan satu cara atau jalan bagaimana untuk menyediakan individu berkualiti, beransur-ansur dalam proses taarif, takwin dan tanfiz serta muwasofat-muwasofat 10 yang mesti dimiliki oleh individu

seperti akidah yang sejahtera, ibadat yang sahih, akhlak yang mantap dan sebagainya. Begitu juga beliau telah meletakkan wasilah-wasilah atau cara untuk mencapai segala sifat tadi seperti usrah, katibah, rehlah dan lain-lain lagi daripada wasilah tarbiah.

Oleh kerana itu, peranan murabbi dan mutarabbi amat penting dalam mencapai segala apa yang dikehendaki. Seorang murabbi atau ketua itu tidak mampu untuk melaksanakan sesuatu tugas itu sekiranya mutarabbinya lemah dan tidak mampu berperanan dengan baik.

Antara peranan yang perlu dimainkan oleh seorang mutarabbi dalam mem-

beriltizam dan melaksanakan segala tuntutannya. Keyakinan ini akan menyebabkan fikrah mereka jelas dan akidah mereka terjaga dan sejahtera.

3) Mutarabbi perlu mengetahui tabiat setiap marhalah dakwah dan berjuang di jalanNya kerana musuh-musuh Islam sentiasa bekerja keras menentang Islam. Meyakini segala ujian yang menimpa terkandung seribu hikmah dan bersabar menghadapinya akan memberi kekuatan jati diri kepada para mutarabbi. Qiamullail adalah senjata utama dan bekalan kepada para pejuang.

4) Mutarabbi hendaklah sentiasa berusaha untuk menjaga ikatan ukhuwah dengan melaksanakan segala



bangunkan sifat 10 terutamanya adalah:

1) Mutarabbi adalah mereka yang ditarbiah, maka sudah tentu mutarabbi perlu bersedia untuk ditarbiah dan dibentuk oleh murabbinya di samping mereka perlu menyucikan diri dan hati mereka dari sebarang penyakit. Itulah yang dilakukan oleh para sahabat r.a. yang mana mereka bersedia untuk ditarbiah oleh Rasulullah s.a.w. dalam semua situasi dan bentuk.

2) Mutarabbi hendaklah meyakini bahawa intima' mereka kepada Islam bukan sekadar nama, keturunan dan warisan tetapi perlu

hak-haknya. Firman Allah s.w.t

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ وَاتَّقُوا
اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ

“*Sesungguhnya orang-orang mukmin adalah bersaudara kerana itu damaikanlah antara kedua saudaramu dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu mendapat rahmat*”. (al Hujurat : 10)

Kemanisan Iman tidak mungkin dirasakan, kecuali mereka yang telah menikmati ukhuwah ini. Hubungan ukhuwah yang mantap akan dapat membentuk sebuah persekitaran

bersambung di m/s 12

sambungan dari m/s 12

yang sesuai dan membina benteng yang mengawal individu daripada persekitaran yang buruk. Persekitaran yang baik adalah persekitaran yang diwarnai dengan cinta dan ukhuwah, thiqah dan jundiyah, kepatuhan dan disiplin, syura dan nasihat. Persekitaran yang buruk pula adalah suasana banyak berkata kata (prasangka tuduh menuduh), pengangguran dakwah, sikitnya amal, lemahnya penguasaan terhadap rukun-rukun usrah.

5) Para Mutarabbi perlu sedar dan memahami tugas mereka dalam sesuatu organisasi. Bersyura, merujuk dan bermesyuarat dengan murabbi adalah suatu perkara yang tidak boleh dipandang ringan. Taat dan mengikhhlaskan diri dalam melaksanakan suruhan sama ada pada waktu senang ataupun susah. Thiqah pada murabbi antara faktor utama kejayaan dakwah. Musuh musuh dakwah sentiasa berusaha menanam syak wasangka dan menghilangkan thiqah dalam kalangan ahli sebuah saff.

6) Mutarabbi juga hendaklah sentiasa menjaga masa dan mengambil berat tentang waktu agar segala urusan dapat dilaksanakan menurut prioriti dan teratur. Memperuntukkan masa untuk tilawah al-Quran,

membaca dan memahami kitab-kitab dan makalah-makalah agama serta mengetahui berita-berita terkini agar menjadi seorang yang berpengetahuan.

7) Mutarabbi juga perlu memahami beberapa perkara yang perlu dijaga oleh mereka dan juga murabbi iaitu saling hormat menghormati, beradab ketika bercakap dan berbincang, saling percaya mempercayai, bertukar-tukar nasihat dan saling berukhuwah antara satu sama lain dan sebagainya. Mudah-mudahan akan membentuk keperibadian dan jati diri yang kuat dan hebat.

Penutup

Tarbiyah dan takwin, seperti yang dikatakan Imam al Banna, memerlukan kepada kekuatan jiwa yang kukuh, kemahuan dan keazaman yang tinggi, pengorbanan yang besar, beriman dengan prinsip al-tamkin dan penguasaan terhadap dunia ini akan berlaku sebagaimana firman Allah s.w.t

وَعَدَ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنكُمْ وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ
لَيَسْتَخْلِفَنَّهُمْ فِي الْأَرْضِ كَمَا اسْتَخْلَفَ الَّذِينَ
مِن قَبْلِهِمْ وَلَيُمَكِّنَنَّ لَهُمْ دِينَهُمُ الَّذِي ارْتَضَى
لَهُمْ وَلَيُبَدِّلَنَّهُم مِّن بَعْدِ خَوْفِهِمْ أَمْنًا يَعْبُدُونَنِي
لَا يُشْرِكُونَ بِي شَيْئًا وَمَن كَفَرَ بَعْدَ ذَلِكَ

فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْفَٰسِقُونَ

Allah menjanjikan orang-orang yang beriman dan beramal soleh dari kalangan kamu (wahai umat Muhammad) bahawa Dia akan menjadikan mereka khalifah-khalifah yang memegang kuasa pemerintahan di bumi, sebagaimana Dia telah menjadikan orang-orang yang sebelum mereka: Khalifah-khalifah yang berkuasa dan Dia akan menguatkan dan mengembangkan agama mereka (agama Islam) yang telah diredhaiNya untuk mereka; dan Dia juga akan menggantikan bagi mereka keamanan setelah mereka mengalami ketakutan (dari ancaman musuh). Mereka terus beribadat kepadaKu dengan tidak mempersekutukan sesuatu yang lain denganKu dan (ingatlah) sesiapa yang kufur ingkar sesudah itu, maka mereka itulah orang-orang yang derhaka.(al-Nur : 55)

Peranan murabbi dan mutarabbi dalam meneruskan kerja-kerja tarbiyah amatlah penting. Semoga Allah s.w.t. Yang Maha Berkuasa memberi kemenangan terhadap ummah dan memelihara dakwah ini sehinggalah seluruh kehidupan sejahtera dan aman.

sambungan dari m/s 9

guh-sungguh sangat dalam tuduhan itu melainkan sekadar bermain-main dan berseronok mengumpat... semua ini tidak akan memudaratkan kalian sedikit pun... Biarkan mereka dengan kata-kata itu sekehendaknya, berdoalah kepada Allah swt agar kita dan mereka dikurniakan hidayah dan petunjuk..

Dan kalian akan mendengar bahawa ada orang yang ingin berhubung dengan kalian atau kalian akan berhubung dari kalangan awam. Sama ada mereka benar atau tidak benar. Saya ingin tegaskan kepada kalian sejelas-jelasnya bahawa dakwah kalian ini adalah semulia-mulia dakwah yang dikenali oleh manusia dan bahawa kalian adalah pewaris Rasulullah s.a.w dan khulafa'nya berpandukan al-Quran, pemegang amanah syariatnya,

penolongnya yang bersiap siaga untuk menghidupkan Islam di waktu hawa nafsu dan syahwat bermaharajalela dan lemahnya tanggungjawab... dakwah kalian mengandungi kebaikan semuanya dan yang lain tidak sejahtera dari kekurangan... Oleh itu teruskan perjuangan kalian, jangan sekali-kali kalian berkompromi di atas manhaj kalian, sebarikan dan bentangkan ia kepada manusia dengan rasa mulia dan kekuatan. Siapa yang hulurkan tangannya di atas asas dakwah kalian maka ahlan wa sahlam wa marhaban di dalam suasana terang seterang mentari di siang hari, jadilah dia ikhwah kalian yang bekerja bersama kalian, beriman dengan keimanan kalian dan melaksanakan ta'alim kalian... barang siapa yang enggan pasti Allah s.w.t menggantikan mereka dengan kaum yang lain...

Wahai ikhwah sekalian, jangan gopoh kerana di hadapan kalian masa masih panjang dan kalian akan menjadi penting dan manusia akan mencari kalian. Sesungguhnya semua kemuliaan itu milik bagi Allah swt... dan mereka akan mengetahui tidak lama lagi...

Demikianlah sepatutnya pendirian kita terhadap pertubuhan/persatuan pada hemat saya. Kita mahu mereka memperoleh kebaikan dan kita memaafkan mereka, kita tidak akan menuntut dan kita tidak akan menjawab persoalan mereka....

وَلَا تَقُولُوا لِمَن أَلْتَمَسْنَا إِلَيْكُمُ السَّلَامَ لَسْنَا مُؤْمِنًا ﴿٩٤﴾
(النساء: من الآية 94)

Sumber: Akhbar IM, Bil (1), tahun kelima, 11 Rabiul Awwal 1356H bersamaan 21 Mei 1937



Ustaz Abd Muhaimin
Mohammad Shahar,
Konsultan JK Tarbiah

TONGGAK-TONGGAK PENTING DALAM MANHAJ AL-BANNA

OLEH: AHMAD HASAN SYURBIJI




Buku kecil ini diterbitkan bersempena dengan 50 tahun syahidnya Imam Hasan al-Banna. Ia mengandungi sejarah kehidupan dan sebahagian dari kesan-kesan usaha beliau di jalan dakwah. Buku ini merangkumi lima fasal dan penutup.

Dalam fasal yang kedua, penulis telah membahagikan lima tajuk kecil berkaitan peribadi Imam Hasan al-Banna.

1. Hasan al-Banna Sebagai Mujaddid. Dijelaskan ciri-ciri tajdid di sisi Imam al-Sayuti, sifat-sifat seorang mujaddid dan objektif tajdid itu sendiri.
2. Hasan al-Banna Sebagai Penyatu. Dicatatkan, bagaimana Hasan al-Banna mampu mengesani jiwa-jiwa serta mengikatnya dengan ikatan akidah.
3. Hasan al-Banna Sebagai Pemikir. Diterangkan bahawa asas kepada fikrah yang diperjuangkan olehnya adalah Islam dengan segala ciri-ciri khususnya seperti syumul, Rabbani, alami dan lain-lain lagi.
4. Hasan al-Banna Sebagai Murabbi. Penulis menyatakan bahawa tarbiah yang dilaksanakan oleh beliau itu tidak terhad kepada satu aspek semata-mata, bahkan ia merangkumi aspek kerohanian, pemikiran, akhlak, jihad dan sebagainya.
5. Hasan al-Banna Sebagai Perancang Strategi. Dikemukakan di sini, bagaimana beliau menjayakan strategi dari sudut matlamat dan wasilah untuk melahirkan individu Muslim, rumahtangga Muslim, masyarakat Islam dan seterusnya sehinggalah terbentuknya Daulah Islamiah yang agung.

Imam Hasan al-Banna merupakan seorang yang bersifat positif. Beliau tidak mendidik pengikutnya dengan hanya pandai bercakap dan berteori semata-mata, atau suka berdebat dan malas, sebaliknya beliau mentarbiah mereka supaya bekerja dan beramal melalui aktiviti serta program-program yang bersifat amali. Begitu juga beliau mendidik mereka agar berinteraksi dengan realiti sebenar bukan dengan khayalan di awang-awangan, bersifat sebagai Da'ie kepada Allah swt dan tidak sebagai penghukum kepada masyarakat. Siang dan malamnya dihabiskan untuk dakwah. Keutamaannya adalah beramal dari berkata-kata, membina bukan meruntuh. Tidak sibuk dengan perkara yang tidak penting dan begitulah beliau mentarbiah anak-anak buahnya. Menjauhkan diri dari mengumpat seseorang dan mengutuk badan-badan lain. Sangat mengambil berat aspek kesatuan saff. Beliau mentarbiah pengikutnya agar menjauhi keburukan lisan.

Sebagai seorang murabbi Imam Hasan al-Banna sentiasa mahu melihat Mutarabbinya sentiasa meningkat agar menjadi peribadi Muslim sejati yang memiliki akidah yang sejahtera, ibadat yang sahih, tubuh yang sihat, akhlak yang mantap, ilmu yang mendalam, tersusun segala urusan, mampu berdikari, melawan nafsu, menghargai masa dan memberi manfaat kepada orang lain. Penulis menegaskan bahawa cara Imam Hasan al-Banna mentarbiah pengikutnya untuk memiliki ciri-ciri ini adalah melalui pendekatan amali atau tarbiah amaliah.



MANHAJ TARBAWI : KEJELASAN TASAWWUR



Ustaz Burhanuddin dan Dr Azizah antara panel pembentang yang memberikan penjelasan di dalam program ini.



Para hadirin bersama-sama menyanyikan lagu rasmi IKRAM

15 November 2014, Shah Alam. Sekitar 200 peserta telah hadir di dalam program ini bagi mendengar dan memberi maklumbalas kepada Unit manhaj JK Tarbiah

berkenaan manhaj IKRAM yang di jangka akan di selesaikan dan diperturunkan kepada Negeri dan Daerah pada pertengahan tahun.

Memperkukuh Keberkesanan Tarbiah Negeri dan Daerah



15 Januari 2015, Seri Kembangan. Sehingga penghujung 2014, program Pemantapan dan Keberkesanan Tarbiah Siri 1 telah dilaksanakan hampir

kesemua IKRAM Negeri. Pengisian terakhir siri 1 ini akan dilaksanakan bersama IKRAM Kelantan sebelum Siri 2 dimulakan pada tahun ini

Memantapkan Institusi Kekeluargaan PELAPIS IKRAM

22 November 2014, Jeram, Kuala Selangor. Para peserta memperoleh pengisian berkaitan topik kekeluargaan yang berharga daripada Ustaz Alias Othman dan Ustazah Kamaliah Nordin yang mewakili PEKA-IKRAM.

Dengan pengisian dan perkongsian yang amat bermanfaat ini, sewajarnya ianya dapat dipraktikkan oleh



peserta dan dikongsikan kepada ahli-ahli di daerah yang akan sama-sama membentuk dan membina keluarga pelapis IKRAM yang sejahtera.

Mukhyyam Tarbawi ~ Mengukuh Rabbaniyah ~



31 Januari 2015, Port Dickson. IKRAM Wilayah Persekutuan membuka tirai 2015 dengan aktiviti Mukhyyam Tarbawi yang telah berlangsung sepanjang dua hari di Kem Latihan Brindley, Port Dickson,

Negeri Sembilan yang melibatkan ahli Muntasib, Muntazim dan Amilin.

Antara objektif mukhyyam yang dilaksanakan kali ini adalah untuk menguatkan konsep rabbaniyah dan mengukuhkan rukun ikhlas, pengorbanan dan ukhuwwah serta perkongsian pengalaman daripada para Muwajjih dan Muwarrith serta mengambil faedah daripada tokoh iaitu Ustaz Umar Telmisani.





TARBIATUNA

JAWATANKUASA TARBIAH PUSAT
- PERTUBUHAN IKRAM MALAYSIA -

Penaung

- Ustaz Tajul Arifin Che Zakaria

Ketua Editor

- Azamuddin Mohd Maarof

Penulis Kehormat:

- Ustaz Dr Mohd Parid Sheikh Ahmad
- Ustaz Tajul Arifin Che Zakaria
- Ustaz Muhaimin Mohammad Shahar

Penulis Tamu:

- Dr Hafidzah Mustakim
- Ustazah Wan Ramizah Hasan

Pengurus/Susunatur/Grafik
Hanafi Sudi@Yusoff

Diterbitkan oleh :

Jawatankuasa Tarbiyah Pusat,
Pertubuhan IKRAM Malaysia
(IKRAM),
Tel + 603 - 8945 6999,
. + 603 - 8945 3666
Fax +603 - 8945 1772
tarbiatuna.ikram@gmail.com

Dicetak oleh :

Mashi Publication Sdn Bhd
Tel: 03-9076 6311
Fax: 03-9075 4311
mashipublication@yahoo.com

SEBAHAGIAN AKTIVITI KITA



Muwajjih sebagai Pakar Rujuk Tarbiah Negeri dan Daerah



13 Disember 2014, Kuala Lumpur. Seramai 58 daripada 69 peserta telah pun ditauliahkan sebagai Muwajjih di dalam Majlis Graduasi sempena program Muwajjih anjuran JK

Tarbiah Pusat.

Program Muwajjih ini telah dijalankan sebanyak 10 siri yang bermula akhir tahun 2012 dan program pertama seumpamanya dianjurkan oleh

JK Tarbiah Pusat.

Adalah menjadi harapan Sekretariat JKT agar para Muwajjih menjadi pakar rujuk dan memacu tarbiah di daerah dan negeri masing-masing.

Program Tajmik Melahirkan Penggerak Mahasiswa yang Kompeten



Sebahagian para peserta yang mengikuti program sepanjang dua hari di Dewan Utama, Kompleks IKRAM

23 Januari 2015, Seri Kembangan. Jawatankuasa Pembangunan Mahasiswa (JKPM) pusat telah membuka tirai tahun ini dengan melaksanakan program Tadrib aktivis JKPM(Tajmik) yang dilaksanakan di Dewan Utama Kompleks IKRAM selama dua hari.

Program yang dirancang

ini adalah salah satu dari peranan utama di dalam Pelan Pengoperasian JKPM iaitu untuk melahirkan penggerak JKPM di kalangan mahasiswa yang kompeten dalam melaksanakan tugas dakwah dan tarbiah di dalam kampus.

Justeru, satu program telah dirancang untuk siri-siri pelatihan ini yang akan dianjurkan

secara bersama antara JKPM pusat dan JK Tarbiah Pusat. Diharapkan melalui program ini akan lahir kelompok penggerak JKPM/ Mahasiswa yang mencukupi dan kompeten sebagai penggerak dakwah dan tarbiah di Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta di seluruh Negara.

